

27 MAY 2000

Mahathir-MIC

SEMUA KAUM DAPAT NIKMAT PEMBANGUNAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 27 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia sebagai sebuah negara berbilang kaum telah berjaya melaksanakan dasar pembangunan yang memberi perhatian berat terhadap semua kaum bagi memastikan mereka mendapat nikmat daripadanya.

Perdana Menteri berkata adalah menjadi matlamat kerajaan supaya tidak ada mana-mana kaum ketinggalan dalam arus pembangunan.

Beliau berkata atas dasar inilah, walaupun orang keturunan India merupakan golongan kecil berbanding kaum Bumiputera dan keturunan Cina, dasar-dasar kerajaan seperti Dasar Ekonomi Baru yang disusuli dengan dasar pembangunan negara, tidak merugikan keturunan India.

Katanya ramai daripada mereka yang terpelajar dan menjadi ahli profesional terdiri daripada keturunan India dan peratusan mereka berbanding kaum lain juga jauh lebih tinggi.

Dr Mahathir, yang juga pengerusi Barisan Nasional (BN), berucap merasmikan perhimpunan agung ke-54 MIC di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Terdahulu ketibaan Dr Mahathir pada majlis itu disambut presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu, timbalan presiden Datuk S. Subramaniam dan para pemimpin MIC yang lain.

Dengan merujuk kepada pelbagai statistik ekonomi, Perdana Menteri berkata ekonomi kaum India terus menunjukkan kemajuan yang menggalakkan dalam tempoh 10 tahun lepas.

Data menunjukkan mereka mencatatkan peningkatan pendapatan isi rumah purata, penurunan insiden kemiskinan, peningkatan hak milik modal saham sektor korporat dan penyertaan gunatenaga yang lebih seimbang.

"Justeru itu, saya berharap kaum India tidak lagi berasa terpisah dan tersisih daripada kaum-kaum lain di negara ini.

"Pendapat yang negatif hanyalah satu persepsi sahaja dan ini mungkin digunakan oleh golongan-golongan tertentu yang mahu melihat negara ini tidak stabil," katanya kepada 1,494 perwakilan yang menghadiri perhimpunan selama dua hari itu.

Beberapa pemimpin komponen Barisan Nasional termasuk Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob dan Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik turut hadir bagi majlis perasmian perhimpunan itu.

Dr Mahathir berkata rakyat daripada keturunan India terus memainkan peranan besar dalam pertumbuhan ekonomi negara.

Gunatenaga mereka pada tahun 1998 ialah sebanyak 8.3 peratus daripada keseluruhan gunatenaga negara dan sebahagian besar mereka terlibat dalam sektor utama ekonomi negara seperti pembuatan dan perkhidmatan.

Justeru itu, katanya gunatenaga kaum India dalam sektor pertanian semakin berkurangan manakala penyertaan mereka semakin tinggi dalam syarikat-syarikat berasaskan teknologi maklumat (IT) yang dianggarkan sebanyak 12 peratus pada tahun 1998.

Namun begitu, Dr Mahathir berkata bahawa di kalangan peniaga dan pengusaha, bilangan dari keturunan India berkurangan manakala pencapaian mereka dalam bidang pelajaran di peringkat sekolah rendah dan menengah tidak memuaskan.

Bagaimanapun sejajar dengan peningkatan pendapatan per kapita negara, pendapatan isi rumah purata kaum India telah meningkat daripada RM1,209 sebulan pada tahun 1990 kepada RM2,702 pada tahun 1999 iaitu lebih 100 peratus.

Katanya peningkatan pendapatan ini bolehlah disifatkan sebagai satu perkembangan yang membanggakan kerana kadar pertumbuhan itu mengatasi kadar pertumbuhan pendapatan yang dicatatkan oleh isirumah Bumiputera.

Hasil daripada peningkatan pendapatan itu, insiden kemiskinan di

kalangan masyarakat India didapati berkurangan daripada 7.5 peratus pada tahun 1990 kepada 1.9 peratus pada tahun lalu.

Beliau berkata pengurangan itu amatlah memberansangkan kerana ia merangkumi isi rumah kaum India di kedua-dua kawasan bandar dan luar bandar yang sekaligus menunjukkan bahawa kaum India tidak sekali-kali ketinggalan daripada menikmati faedah daripada dasar dan rancangan pembangunan negara yang diusahakan kerajaan.

Mengenai penyusunan semula hak milik sektor korporat, Perdana Menteri berkata pemilikan ekuiti masyarakat India juga meningkat daripada satu peratus pada tahun 1990 kepada 1.5 peratus pada tahun 1998 dan walaupun ia kecil, jumlahnya terus meningkat dari semasa ke semasa.

Pada tahun 1990, jumlah modal saham yang dimiliki rakyat keturunan India ialah sebanyak RM1,068 juta dan ia meningkat lebih tiga kali ganda kepada RM4,600 juta pada 1998 iaitu pertumbuhan tahunan purata sebanyak 20 peratus.

"Kemajuan ini adalah lebih besar berbanding dengan kaum-kaum lain di Malaysia termasuk Bumiputera. Sebagai perbandingan, pemilikan ekuiti korporat Bumiputera hanya meningkat sebanyak 1.7 kali ganda atau dengan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 13.4 peratus," katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan juga telah membuka peluang yang lebih besar kepada semua kumpulan etnik untuk menyertai pelaburan dalam sektor korporat melalui pengwujudan saham-saham amanah seperti Amanah Saham Wawasan, Amanah Saham Malaysia, Amanah Saham Mara dan lain-lain.

Sehingga akhir bulan lepas, kira-kira 158,000 pelabur di kalangan rakyat keturunan India telah menyertai ASW dan ASM dengan nilai pelaburan sebanyak RM188.8 juta.

Perdana Menteri berkata beliau menghargai peranan kaum India dalam memelihara perpaduan dan kestabilan kaum di negara ini.

Mereka telah menunjukkan kematangan dalam perhubungan kaum dan ini telah menyumbang kepada perpaduan dan keharmonian di kalangan rakyat Malaysia, katanya.

"Saya gembira bahawa setiap kaum memahami masalah yang terdapat dalam masyarakat majmuk seperti di negara ini.

"Kita lihat di negara lain perebutan hak yang lebih bagi kaum sendiri hanya menghancurkan negara, sebaliknya kesanggupan bertolak ansur antara kaum di Malaysia menyelamatkan kekayaan dan keamanan negara dan semua pihak mendapat nikmat daripadanya," katanya.

Perdana Menteri juga mengucapkan terima kasih kepada para pemimpin dan anggota-anggota MIC yang telah bekerja keras membantu BN mencapai kemenangan besar pada pilihan raya umum, November lepas.

Beliau juga memuji Samy Vellu, yang juga Menteri Kerja Raya, kerana kepimpinannya yang dinamik serta keperihatinannya terhadap nasib kaum India di negara ini.

Dr Mahathir berharap kaum India membuat persiapan untuk menghadapi perkembangan IT, Internet, globalisasi dan cabaran-cabaran lain di alaf baru.

-- BERNAMA

AR RON